

Chin Peng Dilarang Masuk Ke Malaysia



Wajah Ketua Parti Komunis Malaya (PKM), Chin Peng yang kini berusia 82 tahun. Beliau menyaman Kerajaan Malaysia kerana hasratnya untuk kembali ke tanahair ditolak oleh Kerajaan.

Gambar Rasyid Maidin bersama Chin Peng dan Abdullah C.D. berpakaian seragam Komunis selepas mereka menandatangani perjanjian di Hatyai pada 2 Disember 1989 untuk meletakkan senjata.



BAWAH... Keratan akhbar surat pembaca berkaitan hasrat Chin Peng untuk kembali.

Chin Peng tidak wajar kembali ke Malaysia

BOLEHAH dikatakan semua orang tahu siapa Chin Peng, baik orang tua, muda terutama mereka yang pernah hidup pada zaman darurat dan merasai kekejaman dilakukannya pengasas komunis pimpinan Chin Peng itu.

Saya seorang daripada berjuta rakyat Malaysia yang tetap mesintang dalam diri sekiranya ada pihak yang cuba untuk membela nasib individu dan ahli kumpulan ganas dipimpin Chin Peng. Lebih buruk lagi adalah orang yang cuba hendak membicarakan atau membuat film mengenai kisah hidup pembunuh kerani ini.

Chin Peng pernah menjadi pejuang musuh negara, membunuh dengan keganjangan keselamatan dan najis jelata. Jadi adakah patut dan wajar untuk dia diberi sebarang tempat dan ruang hidup di negara yang aman damai hari ini

sedangkan dia sudah melakukan perbuatan terdusta mengkhianati hasrat keadaan satu masa dahulu? Janglah hendaknya ada pihak yang cuba secara terang-terangan menyap dan tersembunyi mengasahkan agar Chin Peng dapat menghirup kembali udara segar yang cuba ditertakannya dahulu.

Berapa ramai penduduk tidak berfikir yang kadang-kadang teringat, insi menjadi janda kerana kehilangan suami dibunuh pengasas komunis dan terpaksa memasingkan diri kerana hasratnya untuk kembali ke tanah air? Semuanya angkara Chin Peng.

Ketika janda dan anak kecil dibesarkan dalam keadaan hidup terhinap serta dianiaya penderitaan di kampung, Chin Peng meneruskan kerapen ganasnya dari hutan di Selatan Thailand.

Prinsip komunis ini tiba-tiba

saja mahu kembali ke kampung halamannya. Mengapa begitu mudah dia berubah hati? Semua orang tahu sistem komunis hanya membawa kesetiaan dan penderitaan kepada rakyat. Sebagai negara yang dibentangi berpejuang kepada agama Islam, Kristian, Buddha dan Hindu, kita semua menolak kerapuhan dan pembaziran terhadap Chin Peng dan pengikutnya.

Kesediaan dan keperluan hati anak, cucu dan cicit anggota polis di Bukit Kepong yang terkurban di bujang senjata pengasas komunis masih lagi belum hilang.

Chin Peng tidak harus dibenarkan menjejakkan kaki di bumi Malaysia tercinta yang dipertanggungjawabkan.

IS BH, Klang, Selangor.

Chin Peng adalah musuh negara

KUALA LUMPUR - "Barah dia belajar sejarah baik! Demikian rujuk Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Noh Omar terhadap kenyataan Setiausaha Biro Antarabangsa DAP, Ronnie Liu yang menyangkal penempatan Chin Peng sebagai tarul menyambung kepada kemerdekaan negara.

"Saya ingat kita kena berdebat dengan dia. Barah dia belajar sejarah baik," kata Noh kepada pemberita selepas menghadiri seminar Keselamatan Nasional, di sini semalam.

Dalam laman webnya, Liu dilaporkan menyebut, pemimpin UMNO terdahulu termasuk Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman, bukan pejuang kemerdekaan sebenar kerana Chin Peng turut menyumbang ke arah itu.

Menurut Noh, daluan pemimpin DAP itu tidak boleh diterima akal dan menggunakan "sejarah telah membicarakan komunis malah nombor satu negara."

Tambahnya, kenyataan Liu itu serta pengisahan kepada anggota-anggota keselamatan yang berkhianat menentang komunis bagi menegakkan kemerdekaan negara.

Keratan akhbar, 'Kosmo' bertarikh 6 September 2005 menyiarkan kenyataan Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Noh Omar yang menyangkal dakwaan setiausaha Biro Antarabangsa DAP, Ronnie Liu bahawa Chin Peng adalah pejuang kemerdekaan sebenar.

JANGAN BENARKAN CHIN PENG KEMBALI!



IDRIS TULIS

Keratan akhbar ERA BARU bertarikh 1 April 2005 dengan tajuk "Jangan Biarkan Chin Peng Kembali".

Chin Peng files application to return home

By Sarban Singh and Audrey Darmawan
perang@ms.com.my

It is also working an order that the foundation shall be the condition and terms in the 1989 agreement.
Chin Peng continued that the former PKM

Keratan akhbar tentang permohonan Chin Peng kepada Mahkamah Tinggi untuk balik ke Malaysia.

APABILA berita tentang bekas Ketua Parti Komunis Malaya (PKM), Chin Peng heboh dipublikasikan dalam akhbar-akhbar beberapa bulan yang lalu diatas keinginan beliau untuk kembali ke Malaysia dengan alasan beliau mahu mati di tempat kelahirannya di Sitiawan, Perak, maka saya telah menulis dalam ruangan saya di bilangan 233 di atas tajuk, "Jangan benarkan Chin Peng kembali". Saya telah memberi beberapa sebab tertentu kenapa ketua pengganas itu tidak harus dibenarkan kembali ke negara ini.

Tidak lama selepas itu, cerita tentang Chin Peng timbul semula apabila setiausaha antarabangsa DAP, Ronnie Liu Tian Khiew, dipaparkan melalui laman web parti pembangkang itu bahawa kemerdekaan negara ini bukan sebenarnya hasil daripada usaha-usaha yang dilakukan oleh bekas Perdana Menteri, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra yang lebih dikenali sebagai **Bapa Kemerdekaan**. Menurut Ronnie Liu menyatakan orang yang sebenarnya berusaha kuat untuk mencapai kemerdekaan bagi Persekutuan Tanah Melayu ialah Ketua Parti Komunis, Chin Peng. Benarkah dakwaan Ronnie Liu itu?

Sesungguhnya, kenyataan dari pemuda DAP itu amat mengelirukan. Ia juga telah disangkal dan mendapat kecaman hebat dari para pemimpin terutama sekali dari beberapa pemimpin veteran sama ada dari golongan bangsa Melayu mahupun bukan Melayu.

Mereka begitu marah dan menganggap Ronnie Liu yang lahir selepas negara mencapai kemerdekaan sebagai sengaja memutar belitkan fakta sejarah dengan cuba mengagung-agungkan peranan bekas pemimpin Komunis atau Tiga Bintang itu yang sebenarnya adalah bertanggungjawab sepenuhnya keatas kehilangan beribu-ribu nyawa orang yang tidak bersalah selain dari kemiskinan harta benda.

Apabila Parti Komunis Malaya yang diketuai oleh Chin Peng itu gagal untuk menakluk dan memerintah Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) dan dijadikan Republik setelah British dan Jepun menyerah kalah, orang



IDRIS TULIS MENULIS



Penulis bersama anaknya, Mohd Rafiq, ketika menemubual bekas Ketua Menteri Singapura, David Marshall di

M'sia's door stays closed to Chin Peng and his group

PUTRAJAYA: Ex-Communist Party Of Malaya (CPM) members, including Chin Peng, will not be allowed to enter Malaysia even though they have permanent residence status in another country.

"We are quite clear, as far as the government is concerned, that no one (ex-CPM members), including Chin Peng, will be allowed to

Keratan akhbar 'The Straits Times' bertarikh 29 November, 1989 berhubung kenyataan Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj tentang Chin Peng.

di Baling bernama Rasyid Maidin telah menulis se buah buku bertajuk "Memoir Rasyid Maidin Daripada Perjuangan Bersenjata Kepada Perda maian". Dalam buku tersebut terdapat penulisan Rasyid tentang Tunku seperti berikut:

"Bagi pihak penjajah British, mereka mahu menggunakan Tunku sebagai senjata politik da lam strategi mereka untuk menewaskan kami. Manakala Tunku pun bijak juga orangnya, dia akan mengambil kesempatan ini untuk memperkuatkan lagi kedudukannya dalam berhadapan dengan British untuk menuntut kemerdekaan.

Maka tidak hairanlah Tunku tidak mengutuk kami secara melulu seperti David Marshall. David Marshall ini seorang Yahudi dan Ketua Menteri Singapura. Agaknya dengan menghentam kami ba gaikan babi hutan itu, maka dia akan dipercayai dan disayangi oleh tuannya - penjajah British."

"Namun tidak dapat dinafikan Tunku itu pun licik orangnya. Selepas Perundingan Baling, dia langsung tidak menerca kami. Selama dua tahun, sementara menanti Rundingan Kemerdekaan di London, Tunku langsung tidak menghasut, menentang dan memfitnah kami. Jadi, kekuatan bersenjata kami itu digunakan juga sebagai senjata oleh Tunku apabila bersemuka dengan Kerajaan British dalam menuntut Kemerdekaan Malaya. Pernah juga dilaporkan bahawa Tunku berbangga, "This time we are the boss. Di dalam pun ada, di luar pun ada." Di dalam itu, maknanya kami di dalam

Reds will not give up their fight, says Tunku

Chin Peng 'will make trouble if given the opportunity'

KUALA LUMPUR — The outlawed Communist Party of Malaya (CPM) will never give up its struggle despite reports that it is about to surrender, former Malaysian Prime Minister Tun Dr Abdul Rahman said yesterday.

He also said in comments to readers that CPM leader Chin Peng, due to travel from China to southern Thailand on Saturday to sign an agreement ending a 41-year insurgency, should not be allowed to return to Malaysia.

"I myself won't favour his return to Malaysia as he had said 'once a communist, always a communist'. That means he will make trouble if given the opportunity," the Tunku said from his home in Putrajaya.

The Malaysian elder statesman held a private press talk with Chin Peng in 1963 — the last time the CPM leader was seen in public.

The communist insurgency proved to be one of his biggest problems while he held office from 1963 to 1970.

About 1,000 CPM guerrillas are still hiding in the Thai-Malaysia border, their numbers vastly reduced from about 5,000 at the height of the emergency declared against them by British and Malaysian authorities from 1948 to 1960.

The CPM has been demoralised by lack of success and mass defections in recent years, which analysts said were factors in their surrender.

"I don't think they will surrender and even if they do they won't give up their struggle for the communists to take over South-east Asia. So they have to be watched all the time," said the 86-year-old Tunku.

"It is a good thing to have a peaceful talk with Chin Peng... but from my experience such talks will never end on a happy note."

"So far the communists have never given up on their struggle to take over South-east Asia," he said.

He recalled that Chin Peng, now 67, had ended the historic 1963 meeting by saying: "As between Tunku and I, we can never come to an understanding. Tunku is anti-communist and I am a communist."

"Chin Peng was a straight man but a devoted communist. He was honest enough to say what he had said to me, that he could not work with me," he added.

Our Bangkok Correspondent TAN LIAN CHOO reports: The

Thai Cabinet yesterday endorsed the draft agreement spelling out terms and conditions for the dissolution of the CPM, a government spokesman said here.

The agreement, which includes a pledge by the CPM to dissolve its guerrilla army, will be signed by Thailand, Malaysia and the CPM on Saturday in Bangkok.

The spokesman, Mr Prachaung Wacharapetcha, said government ministers studied the draft accord during yesterday's Cabinet meeting, endorsing all its clauses.

He said there were four main topics in the agreement. These were: An end to the joint Thai-Malaysian military operation to suppress CPM activity; an end to the CPM's armed struggle carried out in the Thai-Malaysian border; the right to reside in Malaysia for former CPM members and assistance by the Malaysian government to such returnees.

The Cabinet also endorsed that Acting Supreme Commander General Chavalit Yongchaiyudh will sign the accord on behalf of Thailand, said Mr Prachaung.

Meanwhile, the Bangkok Post yesterday published a photo



The Tunku held a private press talk with Chin Peng in 1963, showing Gen Chavalit meeting Chin Peng, the titular leader of the CPM who was believed to have been residing in China. The picture, which is the first public exposure since 1963 of Chin Peng, showed Gen Chavalit greeting and receiving a gift from Chin Peng at an undisclosed location in Thailand. The meeting took place in late October, said the Post.

Keratan akhbar 'The Sun' baru-baru ini yang menyiarkan ulasan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak yang menyatakan dengan tegas bahawa pintu sudah tertutup bagi Chin Peng dan kumpulannya untuk diterima kembali ke Malaysia.

Govt: Chin Peng has no right to sue

KUALA LUMPUR: Former Communist Party of Malaya (CPM) member Chin Peng and other members of the defunct organisation have no legal right to sue the Malaysian government to stop it from seeking extradition orders to force them, the government revealed.

According to a statement of defence filed by the Malaysian government at the Ipoh High Court on Aug 14, the government claimed that Chin Peng and other members of his party had already been named in the case of the public at large while the government also stated that Chin Peng could not sue for the rights of other members of the CPM because the matter was public.

It claimed the suit violated the right of freedom of expression as mentioned under Article 10 of the Federal Constitution.

The affidavit to reply was filed Wednesday under

the Ipoh High Court to stop the government to issue its defence against the suit filed by Chin Peng four months ago.

Chin Peng, born Ong Joo Han, 81, had filed the suit on behalf of himself and his followers, seeking a declaration that the 1989 Peace Treaty signed between the CPM and the Malaysian government in Malaya, Thailand was null and void.

He also sought damages and an injunction to prevent the Malaysian government or its agents from making defamatory statements about him.

The suit was filed following reports on March 22 and May 4 that Deputy Information Minister Hamid Ghazali had announced that Radio Televisyen Malaysia would disseminate on the short film produced by the communists after the Second World War and for a decade following Malaysia's independence.

Chin Peng, who resided in Sarawak, Penang, now lives in Thailand and has moved to the north to work in return to Malaysia to live out the rest of his days.

Chin Peng tidak ada hak untuk menyaman Kerajaan di atas sebab beliau tidak dibenarkan balik ke tanah air.

bagi negara ini ialah Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra. Dengan kebijaksanaan dan sikap Tunku yang lemah lembut dan penuh diplomasi itu telah berjaya menambat hati dan menyakinkan Kerajaan British agar Malaya diberi kemerdekaan secepat mungkin atau selewat-lewatnya pada 31 Ogos 1957.

Tarikh yang dicadangkan oleh Tunku itu telah diperseujui oleh Kerajaan British setelah Tunku yang mengemudi UMNO disertai dan disokong penuh wakil Raja-Raja Melayu dan kemudiannya disertai oleh para pemimpin dari parti-parti lain yang mewakili kaum Cina dan India dibawa bersama ke London untuk membincangkan isu kemerdekaan bagi tanah air yang telah dirintis oleh Tunku.

JANJI KOMUNIS

Chin Peng sebenarnya tidak langsung terlibat dalam perundingan diantara pemimpin-pemimpin Persekutuan Tanah Melayu dengan pihak British kerana Parti Komunis itu sebenarnya mempunyai agenda mereka sendiri dalam merancang untuk mengambil alih pemerintahan negara dari British setelah Jepun menyerah kalah. Sesungguhnya, Tunku telah memberitahu rakyat bahawa Ketua Komunis itu akan meneruskan perjuangannya untuk membentuk negara komunis di Malaya. Sebenarnya Tunku tidak sama sekali percaya kepada janji komunis.

Sebelum berbincang dengan pihak British untuk mendapatkan kemerdekaan, Tunku telah membuat pertemuan dengan Chin Peng pada 28 dan 29 Disember 1955 di Baling, Kedah, untuk mengetahui dari dekat dan mendengar dari mulut Chin Peng sendiri samada beliau akan meneruskan dengan perjuangan dan keganasan beliau atau menerima tawaran kerajaan untuk menyerah diri dan meninggalkan perjuangan beliau dengan serta merta dan secara aman.

Tetapi Chin Peng yang mengetuai rombongan ke perundingan tersebut tetap tegas dalam pendiriannya. Chin Peng menolak tawaran 'amnesty' (pengampunan beramai-ramai) yang ditawarkan oleh Tunku. Sebaliknya Chin Peng menegaskan yang beliau tetap mahu meneruskan dengan perjuangan beliau.

Dalam sebuah buku yang saya telah baca ia ada menyatakan, "Chin Peng refused to accept the amnesty terms because they did not allow communists in the jungle to enjoy an equal status with other Malaysians. He demanded legal recognition on the MCP, and told Tunku that members of the party would never give up their struggle and idealogy". Kerana kenyataan Chin Peng itu, Tunku berkata, "Once a communist, will always be a communist".

Sementara itu, salah seorang dari ahli Parti Komunis itu yang rapat dan menyertai rombongan ke mesyuarat



Ibu saudara penulis Hajah Simpan bte Pakeh Muda yang diculik, diklat dan diheret ke hutan sejauh 6 batu pada subuh hari. Beliau diculik kerana didakwa menyokong pihak Jepun kemudian British. Anak lelaki beliau, Anuar yang melihat bondanya diperlakukan sedemikian tidak sampai hati melihat bondanya pergi seorang diri. Beliau mendesak untuk ikut sama. Difahamkan ke dua-dua ibu dan anak dibunuh dengan kejarnya oleh komunis.



hutan yang memikul senjata, di luar itu ialah partinya UMNO. Itulah modal kekuatan politiknya untuk berhadapan dengan kuasa British di London dalam menuntut kemerdekaan."

Apapun dalam buku tersebut Rasyid tidak menyentuh langsung tentang keganasan dan pembunuhan terhadap beribu-ribu warga negara yang tidak bersalah yang dilakukan oleh Parti Komunis ketika mereka mengganas.

Pada tahun 1988, bermula rundingan-rundingan awal antara Abdullah C.D. yang mewakili Rejimen ke-10 PKM dengan Encik Ghafar Baba yang mewakili Kerajaan Barisan Nasional (BN). Mereka ini dahulu sama-sama menecerukan diri dalam politik wadah kemerdekaan PKMM.

MERAIH SIMPATI

Sementara itu, Chin Peng telah mendapatkan perkhidmatan beberapa orang peguam tempatan untuk memba wa kes beliau ke Mahkamah bagi mendapatkan kebenaran untuk masuk semula ke Malaysia sebagai warganegara ini dengan kononnya usia beliau telah lanjut selain dari uzur.

Chin Peng juga telah mendakwa bahawa apabila beliau menandatangani surat perjanjian perletakan senjata pada Disember 1989 di Lee Garden Hotel, Haadyai, Thailand. Beliau dan pengikut-pengikutnya telah diberi tempoh selama setahun untuk mereka kembali ke Malaysia.

Tempoh tersebut telah lama tamat. Kini Chin Peng teringin semula untuk balik ke tempat lahirnya dan bagi menyokong permohonannya, DAP mengeluarkan kenyataan yang tidak bertanggungjawab itu.

Ya dilihat semata-mata untuk meraih simpati dari orang ramai supaya memihak kepada Chin Peng.

Sementara itu bekas Ketua Komunis itu masih belum lagi membubarkan Parti Komunis yang sehingga kini difahamkan masih wujud. Yang menjadi persoalan kini ialah mengapa selepas beliau (Chin Peng) menandatangani surat perletakan senjata di Haadyai dan telah diberi masa satu tahun untuk pulang, beliau tidak merebut kesempatan itu dan membubarkan partinya?

Adakah beliau masih mempunyai harapan atau impian untuk mengambil alih Kerajaan di bawah pemerintahan Parti Barisan Nasional? Jika tidak, kenapa tidak dibubarkan sahaja Parti Komunis itu?

Jelas, apa yang ditulis oleh Ronnie Liu dari DAP itu amat merbahaya. Ia boleh mencetuskan semula pergaduhan kaum seperti yang berlaku pada 13 Mei 1969.

LIHAT MUKA 7

Di rumah inilah yang terletak di persimpangan Jalan Rawang-Sg. Choh di mana ibu saudara penulis diculik pada subuh hari oleh Bintang Tiga. Rumah ini kini didiami oleh anak perempuan alahyarhamah bersama dua orang anak perempuannya.

Chin Peng Dilarang Masuk Ke Malaysia

Hanya setelah mendapat tekanan dan desakan dari Pergerakan Pemuda UMNO dibawah ketuanya, Dato' Seri Hishamuddin Tun Hussein kepada penulis supaya me mohon maaf dan menarik balik kenyataan beliau maka artikel tersebut dikeluarkan dari laman web itu.

Orang Melayu khususnya begitu tersinggung dan luka hati dengan perbuatan Ronnie Liu yang menulis sesuka hati itu. Orang Melayu rasanya tidak akan begitu mudah untuk melupakan peristiwa penting yang cuba dihapus oleh DAP tentang peranan Almarhum Tunku Abdul Rahman yang telah memperjuangkan dengan gigihnya kemerdekaan bagi Persekutuan Tanah Melayu.

Justeru, orang Melayu kini diingatkan supaya lebih berjaga-jaga dengan taktik kotor DAP yang dilihat tidak tahu bersyukur biarpun telah mendapat pelbagai nikmat dalam negara yang bertuah ini ekoran dari perjuangan dan pengorbanan yang banyak dicurahkan oleh Tunku dan orang-orang Melayu khususnya untuk membebaskan tanahair dari penjajah.

Dalam pada itu, terdapat beberapa orang, keturunan Melayu yang terbabit dan sanggup berada di ketiak Chin Peng sebagai pengikutnya. Mereka ialah Rashid Mydin, Abdullah C. D. dan Shamsiah Fakir selain Musa Ahmad iaitu seorang yang berjiwa nasionalis dan menjadi penge rusi PKM dan yang tinggal di Peking selama 30 tahun. Sebenarnya, Musa Ahmad hanyalah 'boneka' kepada Chin Peng yang menguasai Parti Komunis itu.

Mengimbas kembali kepada pertemuan di antara penulis dengan Dato' David Marshall ia itu bekas Ketua

Menteri Singapura yang menyertai rombongan Tunku menemui Chin Peng, dipejabatnya di Singapura pada 19 Mei 1994. Marshall memberitahu bahawa Chin Peng sememangnya berhasrat untuk mengambil kuasa di Persekutuan Tanah Melayu dengan bantuan dari luar, terutama sekali dari China dan Rusia. Marshall tahu bahawa Chin Peng tidak ikhlas.

Pada mulanya Chin Peng beranggapan bahawa beliau akan dapat melemahkan semangat Tunku apatah lagi ketika itu pihak Kerajaan British belum lagi membuat sebarang keputusan samada akan bersetuju memberi kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu. Katanya, apabila Tunku meminta Chin Peng meletakkan senjata secara beramai-ramai dan menerima 'amnesty', Chin Peng dengan tegas menyatakan yang beliau mahu terus berjuang dan melakukan apa sahaja untuk mencapai matlamatnya.

Berdasarkan kepada fakta-fakta di atas dan keganasan serta kemusnahan dan pembunuhan yang telah dilakukan oleh Chin Peng dan konco-konconya, Kerajaan diingatkan supaya tegas dan tidak teragak-agak membuat keputusan melarang bekas Ketua Parti Komunis itu pulang ke Malaysia di atas alasan apa sekalipun.

Bagi penulis, peristiwa lampau di kala mana ibu saudara



Gambar salah seorang mangsa yang dizalimi oleh komunis yang diketuai oleh Chin Peng. Mereka begitu kejam terhadap penduduk-penduduk yang enggan menerima arahan dan perintah agar mereka menyokong penuh perjuangan PKM.

ranya, Simpan bte Pakeh Muda, iaitu adik perempuan kepada bapa penulis, telah diculik, diikat dan diheret ke hutan dengan kejamnya bersama anak lelaki beliau bernama Anuar oleh Parti Komunis Malaya itu, tidak akan dapat dilupakan.

Dalam pada itu, penulis dan warga negara ini yang telah melalui kesengsaraan hidup ketika Tiga Bintang mengganas di tanahair di masa darurat amat mengulangi kenyataan tegas dari Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak bahawa Kerajaan tidak akan membenarkan bekas Ketua Komunis, Chin Peng masuk ke Malaysia.